



The Sarawak Museum Journal

Vol. LXXXVI No. 107

December 2023



ISSN: 0375-3050
E-ISSN: 3036-0188

Citation: Muhammad Halim Bin Arfasidi (2023). Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Sektor Seni Visual di Malaysia (Satu Kajian Kes di Balai Seni Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Muzium Sarawak). The Sarawak Museum Journal, LXXXVI (107) : 51-61

Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Sektor Seni Visual di Malaysia (Satu Kajian Kes di Balai Seni Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Muzium Sarawak)

Muhammad Halim Bin Arfasidi

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak.
70594@siswa.unimas.my

ABSTRACT

Kajian ini adalah mengenai Implikasi Pandemik Covid-19 terhadap sektor seni visual di Malaysia yang merangkumi tiga pusat atau tempat balai dan muzium seni ini dipergiatkan iaitu di Balai Seni Negara, Balai Seni Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Muzium Sarawak. Kajian ini telah dilaksanakan secara kualitatif dengan distrukturkan dengan objektif kajian ini dan juga teori pengurusan risiko yang terdapat lima peringkat iaitu mengenal pasti risiko, menilai dan menganalisis risiko, merancang tindakan, melaksanakan dan mengukur, mengawal dan memantau. Antara permasalahan yang diketengahkan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah berkaitan pengurusan krisis. Permasalahan krisis ini yang bukan sahaja berlaku terhadap institusi-institusi di Malaysia malah di seluruh dunia. Permasalahan krisis yang kita tidak dapat jangka kejadiannya amatlah perlu kita khuatiri dan difokuskan kredibiliti pengurus seni dalam mengatasinya. Kaedah kualitatif yang diaplikasikan dalam kajian ini telah berpandukan modul kajian perancangan pengurusan risiko yang telah disediakan oleh pengkaji dan setiap soalan temubual yang diajukan kepada informan temubual adalah berpandukan modul kajian tersebut dan akan dibincangkan dengan membuat perbandingan di antara ketiga-tiga lapangan kajian pengkaji. Hasil daripada analisa itu akan diperhalusi bagi mencapai objektif yang telah diketengahkan oleh pengkaji.

Keywords: Pandemik, Covid-19, Pengurusan, Risiko, Perancangan

IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP SEKTOR SENI VISUAL DI MALAYSIA (SATU KAJIAN KES DI BALAI SENI NEGARA, BALAI SENI NEGERI PULAU PINANG DAN JABATAN MUZIUM SARAWAK)

Muhammad Halim Bin Arfasidi

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan,
Sarawak.
70594@siswa.unimas.my

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai Implikasi Pandemik Covid-19 terhadap sektor seni visual di Malaysia yang merangkumi tiga pusat atau tempat balai dan muzium seni ini dipergiatkan iaitu di Balai Seni Negara, Balai Seni Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Muzium Sarawak. Kajian ini telah dilaksanakan secara kualitatif dengan distrukturkan dengan objektif kajian ini dan juga teori pengurusan risiko yang terdapat lima peringkat iaitu mengenal pasti risiko, menilai dan menganalisis risiko, merancang tindakan, melaksanakan dan mengukur, mengawal dan memantau. Antara permasalahan yang diketengahkan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah berkaitan pengurusan krisis. Permasalahan krisis ini yang bukan sahaja berlaku terhadap institusi-institusi di Malaysia malah di seluruh dunia. Permasalahan krisis yang kita tidak dapat jangka kejadiannya amatlah perlu kita kluatiri dan difokuskan kredibiliti pengurus seni dalam mengatasinya. Kaedah kualitatif yang diaplikasikan dalam kajian ini telah berpandukan modul kajian perancangan pengurusan risiko yang telah disediakan oleh pengkaji dan setiap soalan temubual yang diajukan kepada informan temubual adalah berpandukan modul kajian tersebut dan akan dibincangkan dengan membuat perbandingan di antara ketiga-tiga lapangan kajian pengkaji. Hasil daripada analisa itu akan diperhalusi bagi mencapai objektif yang telah diketengahkan oleh pengkaji.

Kata Kunci: Pandemik, Covid-19, Pengurusan, Risiko, Perancangan

ABSTRACT

This study is about the Implications of Covid-19 Pandemic on the Visual Arts Sector in Malaysia which includes three centres or places where art galleries and museums are intensified, namely the National Art Gallery, Penang State Art Gallery and Sarawak Museum Department. This study has been implemented qualitatively and structured with the objectives of this study and the risk management theory which has five levels namely identifying risks, assessing, and analyzing risks, planning actions, implementing and measuring, controlling and monitoring. This qualitative method has been guided by the risk management planning research module prepared by the researcher and each interview question asked to the interview informant is guided by the research module and will be discussed by making comparisons between the three research fields of the researcher. The results of the analysis will be refined to achieve the objectives that have been highlighted by the researcher.

Keywords: *Pandemic, Covid-19, Management, Risk, Planning*

PENGENALAN

Industri kreatif terutamanya Seni Visual merupakan antara industri yang paling terjejas akibat wabak Covid-19. Akibatnya, ini telah mengganggu dan menjejaskan sumber pendapatan penggiat seni dan artis visual. Dalam kajian ini, pengkaji akan menerangkan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji. Hal ini demikian untuk mencari pelan strategik sektor seni bagi menghadapi cabaran Covid-19 agar sektor seni terus dapat beroperasi. Kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji mengenai lokasi kajian ini akan menjadi satu bidang yang penting bagi kedua-dua pihak terutamanya terhadap sistem yang berpotensi untuk diaplikasikan di balai dan muzium seni semasa kecemasan.

Sejarah penularan virus Covid-19 bermula pada 31 Disember 2019. *World Health Organisation* (WHO) telah mengisytiharkannya sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Sehingga 31 Mac 2021, hampir mencecah lebih 128 juta kes positif dengan lebih 2.8 juta kematian berlaku di seluruh dunia. Di Malaysia, rekod penularan virus itu bermula pada Januari 2020. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1: 18 Mac – 31 Mac 2020; PKP Fasa 2: 1 April – 14 April 2020; PKP Fasa 3: 15 April – 28 April 2020; dan PKP Fasa 4: 29 April – 12 Mei 2020. Fasa-fasa ini membentuk pendekatan pelaksanaan PKP ini. Sebelum PKP Fasa 4 selesai, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah dilancarkan pada 4 Mei dan berlangsung sehingga 9 Jun 2020. PKPP kini sedang dilaksanakan, dan ia akan berlangsung hingga 31 Disember 2020, bermula pada 10 Jun 2020. PKP, PKPB, PKPP dan PKPD sedang dilaksanakan mengikut bidang yang diperlukan.

Merujuk kepada rajah 1, pengkaji telah mengaplikasikan kitaran teori pengurusan risiko yang merangkumi lima langkah utama yang perlu dilaksanakan bagi menguruskan sesebuah risiko. Kitaran teori yang dikeluarkan oleh Nankivell (2009) ini telah dikenal pasti bahawa ia merupakan kitaran pengurusan risiko yang sering digunakan oleh rata-rata agensi di bawah sektor seni visual di Malaysia.